

**NO. SOALAN: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini pembangunan reaktor nuklear untuk penjanaan tenaga sebagai pencerahan pengetahuan kepada rakyat setelah membaca dari media luar negara.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Pada masa ini, Kerajaan masih sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Kajian yang sedang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kepada Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). EPP11 ini mencadangkan dua (2) buah loji janakuasa nuklear dengan keupayaan 1,000 Megawatt (MW) setiap satu.

Sehingga kini, kajian menyeluruh mengenai kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara telah disiapkan pada Disember 2013, dan hasil kajian sedang diteliti oleh Kerajaan.

Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*), sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014, kecuali kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear yang ditangguhkan sehingga tinjauan pendapat umum mengenai tenaga nuklear dilaksanakan.

Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan, dengan izin, *stakeholders*, termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2014.

Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan suatu entiti tujuan khas (*Special Purpose Vehicle (SPV)*) bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear pula sedang diteliti secara amnya.

Status siri kajian terperinci ini lazimnya dimaklumkan dalam forum-forum mengenai tenaga yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di dalam atau luar negara, termasuk yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan di dalam negara.

Sekian. Terima kasih.